
KETAKSAMAAN LINEAR

Nyatakan simbol ketaksamaan sama ada '<' , '>', '≤' atau '≥'bagi situasi berikut.




BIL	SITUASI	SIMBOL
1	Markah **maksimum** suatu ujian matematik ialah 100	
2	Calon yang pertama kali menduduki peperiksaan SPM mesti mengambil **sekurang-kurangnya** 6 mata pelajaran termasuk mata pelajaran teras.	
3	Murid yang mendapat **markah 80 dan ke atas** dalam suatu ujian layak mendapat gred cemerlang	
4	Saiz bola sepak **lebih besar** daripada saiz bola golf	
5	**Had laju** kenderaan di lebuh raya ialah 110 km/j	
6	Muatan lif **tidak boleh melebihi** 15 orang dewasa	
7	Pelanggan yang membelanjakan **sekurang-kurangnya** RM 30 layak menerima cabutan bertuah	
8	Murid yang mencapai **minimum** empat A dalam peperiksaan layak memohon biasiswa	
9	Isipadu air di dalam gelas P **kurang** daripada isi padu air di dalam gelas Q	
10	Suhu badan seseorang yang demam akan **melebihi** 37°C.	
11	Harga sebuah kereta terpakai yang dijual oleh Syarikat Aman **tidak melebihi** RM 10 000	
12	Awie lulus ujian Matematik. **Markah lulus** bagi ujian itu ialah 40 markah	
13	Poligon mempunyai **sekurang-kurangnya** tiga sisi	
14	Gaji bulanan Alfred **melebihi** RM 5200	
15	Gunung pasir yang terbentuk di sebuah padang pasir boleh mencapai **ketinggian** 307 m.	
16	Suhu air dalam bikar P ialah 67 °C. Suhu air dalam bikar Q **lebih rendah** daripada suhu air dalam bikar P	
17	Hamiera menyimpan **selebih-lebihnya** 50 sen setiap hari.	
18	Murid yang membaca **sekurang-kurangnya** 15 buah buku sebulan akan menerima satu hadiah.	
19	Yogurt haruslah disimpan **di bawah** 4 °C.	
20	Jualan yang diperoleh Ahmad dalam tempoh seminggu adalah **tidak kurang** daripada RM 8000	

LIVEWORKSHEETS

Pilih jawapan bagi ketaksamaan berdasarkan situasi yang diberi.

$p \leq 450$	$p \geq 18$
$p < 300$	$P < Q$

(a)




Isi padu cecair dalam silinder penyukat P adalah kurang daripada isi padu cecair dalam silinder penyukat Q.
The volume of liquid in measuring cylinder P is less than the volume of liquid in measuring cylinder Q.

(b)




Bilangan maksimum gula-gula di dalam balang ialah 450 biji.
The maximum number of sweets in the jar is 450.

(c)



Tayangan filem aksi hanya boleh ditonton oleh golongan yang berumur 18 tahun dan ke atas.
The screening of an action movie can only be watched by individuals aged 18 *years old and above.*

(d)



Dua pemberat diletakkan pada alat timbang untuk membuat perbandingan jisim.
Two weights are placed on the weighing scale to make a comparison in mass.

LIVEWORKSHEETS